

Headline **UUM nafi infrastruktur bekalan air teruk**  
Date **23 Apr 2011**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Dlm Negeri**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **9**  
Article Size **52 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **678**  
PRValue **2,033**



## UUM nafi infrastruktur bekalan air teruk

ALOR SETAR 22 April - Universiti Utara Malaysia (UUM) menolak dakwaan Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Negeri Kedah, Datuk Phahrolrazi Zawawi bahawa masalah bekalan air di universiti itu disebabkan kebocoran paip lama yang tidak di-

senggara.

Sebaliknya, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Abd. Razak Salleh berkata, masalah sebenar yang dihadapi oleh UUM ialah air yang dibekalkan oleh Syarikat Air Darul Aman Berhad (SADA) adalah tidak mencukupi.

“Semua bangunan baru di UUM

menyediakan tangki air yang cukup untuk menampung kapasiti air yang diperlukan oleh warga kampus.

“Namun tangki-tangki yang disediakan tidak menerima bekalan yang mencukupi daripada SADA,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.